



PELAN ANTI RASUAH (2021-2026)

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

ISI KANDUNGAN		
BAB 1	PENGENALAN	
	• Latar Belakang Majlis Perbandaran Alor Gajah	1
	• Hala Tuju Strategik MPAG	2
	• Fungsi dan Perana MPAG	3
	• Dasar Integriti dan Tadbir Urus National	5
	• Pelaksanaan Dasar Integriti dan Tadbir Urus	5
	• Isu dan Cabaran Menangani Rasuah	6
	• Penilaian Risiko	7
	• Bidang-Bidang Risiko	7
BAB 2	SENARIO MASA HADAPAN	
	• Senario Antirasuah 2030	10
	• Matrik Senario: Senario Antirasuah 2030	11
	• Strategik Utama MPAG	12
BAB 3	MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH	
	• Keperluan Pelan Antirasuah Dalam Konteksual Kepada Kerangka Majlis Perbandaran Alor Gajah	15
	• Analisis Kuadran	17
	• Keutamaan Strategik : Penekanan 12 Inisiatif	18
	• Pelan tindakan dan inisiatif MPAG: Bidang Keutamaan	19
BAB 4	TADBIR URUS	
	• Mekanisma Pelaksanaan	31
	• Mekanisma Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian	32
BAB 5	KESIMPULAN	
	• Kesimpulan	34
	• Penghargaan	35

BAB 1

PENGENALAN

Penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah berpandukan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No.1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi. OACP merupakan sebuah dokumen utama kementerian yang menggariskan tindakan yang menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah. Ia memberi tumpuan khusus kepada masalah rasuah yang berlaku dalam organisasi.

Pengenalan

Bab ini menerangkan maklumat berkaitan latar belakang organisasi dan pelaksanaan inisiatif dalam usaha MPAG untuk memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti di kalangan warga kerja MPAG. Pelbagai inisiatif khusus melibatkan integriti dan tadbir urus MPAG telah dilaksanakan sebagai bukti komitmen pihak Pengurusan Tertinggi MPAG. OACP telah menjadi satu inisiatif MPAG bagi meneruskan usaha kearah membentuk warga MPAG yang berintegriti.

Latar Belakang Majlis Perbandaran Alor Gajah

Majlis Daerah Alor Gajah (MDAG) telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) mulai 1 Julai 1978. Penyusunan semula di bawah Akta 171 adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut :

- 1) Melicinkan jentera pentadbiran Majlis supaya bertambah cekap dan berkesan
- 2) Mengeratkan perpaduan rakyat di dalam kawasan pentadbiran Majlis
- 3) Memesatkan lagi projek-projek pembangunan sosio-ekonomi di kawasan Majlis
- 4) Membolehkan Majlis berdikari dengan berautonomi kewangan
- 5) Mengekalkan amalan demokrasi dengan memberi peluang kepada penduduk tempatan yang layak untuk menjadi Ahli Majlis

Dengan penyusunan semula, kawasan operasi Majlis Daerah Alor Gajah meliputi seluruh daerah Alor Gajah seluas 670.75 km² yang meliputi 13 buah pekan-pekan kecil dan 3 buah bandar utama iaitu Alor Gajah, Masjid Tanah dan Pulau Sebang.

Pada 1 Mei 2003, Majlis Daerah Alor Gajah secara rasminya telah dinaik taraf menjadi Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) . Status penarafan tersebut dicapai berikutan peningkatan pembangunan dalam kawasan pentadbirannya.

Bermula pada tahun 2010, sebahagian daripada Kawasan pentadbiran MPAG telah diambilalih oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ). Setelah pengambilalihan tersebut, Mpag mempunyai Kawasan pentadbiran berkeluasan 635.85 km2.

HALA TUJU STRATEGIK MPAG

VISI MPAG

Alor Gajah Sebagai Bandar Lestari dan Berdaya Huni Menjelang 2035

Keterangan VISI MPAG

i) Lestari:

- a) Selaras dengan visi negeri Melaka menuju negeri lestari, pembangunan bandar lestari merupakan satu proses untuk meningkatkan kualiti hidup bandar, merangkumi komponen ekologi, budaya, politik, institusi, sosial dan ekonomi tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang
- b) Agenda pembangunan lestari bukan hanya menumpukan kepada aspek alam sekitar sahaja tetapi juga faktor-faktor lain selaras dengan tujuh belas(17) matlamat pembangunan mampan (SDG) yang merupakan sasaran MPAG seiring dengan pembangunan terkini.

ii) Bandar Yang Berdaya Huni:

- a) Bandar yang dilengkapi dengan kemudahan asas, infrastruktur, sistem pengangkutan yang baik, juga bandar yang dapat merealisasikan kehidupan harian, sejahtera, bahagian, persekitaran yang sihat dan selamat dalam semua segi dan dapat menyediakan ruang yang memberi peluang ekonomi bersesuaian dengan kekuatan pencapaian masing-masing
- b) Bandar yang berdaya untuk dihuni diinginkan oleh masyarakat Alor Gajah dengan memberikan pekerjaan, kediaman, kemudahan, pelbagai prasarana, kemudahan fizikal dan sosial serta alam sekitar yang bersih dan indah.

MISI MPAG

Menyediakan Tadbir Urus Yang Cekap, Perkhidmatan Perbandaran Yang berkualiti Dan Pembangunan Yang Seimbang Untuk Kesejahteraan Masyarakat Alor Gajah

Keterangan MISI MPAG

- 1) Menyediakan perkhidmatan perbandaran terbaik, inovatif dan responsif kepada masyarakat Alor Gajah
- 2) Menyediakan pembangunan yang seimbang dan infrastruktur yang lengkap bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
- 3) MPAG juga menekan dan memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berteknologi hijau dengan visi menuju negeri lestari.

SLOGAN MPAG

Alor Gajah Bandar Sejahtera, Maju, dan Dinamik

Bandar Sejahtera	Kehidupan masyarakat yang sejahtera, sihat dan harmoni dalam atau bandar yang boleh didiami, bekerja, belajar dan berekreasi.
Maju	Ke arah perbandaran yang lebih maju dengan sektor ekonomi yang berdaya saing, infrastruktur yang efisien dan komuniti yang sejahtera.
Dinamik	Galakan pembangunan, pengekalan kemampunan dan bandar pintar.

FUNGSI DAN PERANAN MPAG

Berdasarkan peruntukan yang terdapat dalam Akta 171, Akta 172 dan Akta 133 fungsi PBT dikelaskan kepada lima (5) kategori.

A. ALAM SEKITAR

- i. Pengindahan kawasan
- ii. Penyediaan dan Penyelenggaraan Kawasan Rekreasi
- iii. Penyediaan dan Penyelenggaraan Sistem Peparitan
- iv. Penyediaan dan Penyelenggaraan Kawasan Lapang / Hijau
- v. Pemantauan Pelupusan Sisa Pepejal

B. KEMUDAHAN AWAM & INFRASTRUKTUR

- i. Menyediakan dan Menyelenggara Kemudahan Awam (Pasar, Perhentian Bas & Teksi, Tempat Menunggu Bas, Tandas Awam, Dewan, Taman

Permainan Kanak-Kanak, Lampu dan Ruang Perniagaan)

- ii. Menyediakan dan menyelenggara jalan-jalan (selain dari jalan Negeri/Persekutuan)
- iii. Menguruskan tempat letak kereta

C. KEBERSIHAN DAN KESIHATAN AWAM

- i. Pembersihan Kawasan Dan Jalan-Jalan Utama
- ii. Kawalan Kebersihan Premis Makanan
- iii. Kawalan Vektor Dan Rodensia
- iv. Kawalan Haiwan Liar Dan Terbiar
- v. Kawalan Pelesenan Premis Perniagaan

D. PEMBANGUNAN

- i. Mengawal pembangunan melalui Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas
- ii. Memproses Kelulusan Pelan Pembangunan
- iii. Memproses Kelulusan Pelan Kerja Tanah
- iv. Memproses Kelulusan Pelan Jalan Dan Parit
- v. Memproses Kelulusan Pelan Landskap
- vi. Memproses Kelulusan Pelan Lampu Awam
- vii. Memproses Permit Bangunan Sementara

E. SOSIAL

- i. Program-program Kemasyarakatan (Kebudayaan, Sosial, Agama, Belia dan Sukan)
- ii. Program Pembasmian Kemiskinan Bandar
- iii. Program Bandar Mampan
- iv. Program Bandar Selamat
- v. Program Local Agenda 21

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

PELAN INTEGRITI NASIONAL 2004 (PIN)
PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP)
PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN 2.0 (GTP 2.0)
PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023

Dalam menuju ke arah status Negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan Negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013, dan yang terkini Pelan Antirasuah National (NACP) 2019-2023.

PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS MPAG

PELAN INTEGRITI ORGANISASI 2015-2020 (PIO)
POLISI ANTI RASUAH
IKRAR BEBAS RASUAH 2019/2020
PENGURUSAN RISIKO RASUAH (2021)
PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) 2021-2026

MPAG sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuh. Bagi tujuan ini, MPAG telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti membangunkan Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2015-2020, Polisi Anti Rasuah, melafazkan Ikrar Bebas Rasuah, membangunkan Pengurusan Risiko Rasuah dan yang terkini ialah Plan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2026

ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amanya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang:

01 Tadbir Urus

- Peruntukan undang-undang (Akta) yang lapuk/tidak lagi sesuai yang menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan
- Kelemahan pengurusan maklumat dan proses kerja yang tidak teratur

02 Kompetensi

- Kelemahan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan betul
- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang ditetapkan menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak cekap
- Penguatkuasaan yang lemah

03 Integriti

- Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas
- Kebocoran maklumat terperingkat
- Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti semasa pelaksanaan tugas
- Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan

01

Mengancam keselamatan negara melalui pembocoran maklumat terperingkat

02

Membahayakan nyawa akibat penggunaan bahan binaan yang kurang berkualiti

03

Ketidakadilan sosial yang boleh membawa kepada penindasan dan menafikan hak ke atas golongan tertentu

04

Mengakibatkan kelemahan undang-undang

05

Mempengaruhi Kadar Pelaburan Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kaar (KDNK)

PENILAIAN RISIKO

MPAG telah melaksanakan Penilaian Risiko bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di MPAG mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah:

01

Mengenalpasti risiko-risiko governans, integriti dan antirasuah semasa Bengkel Pembangunan OACP dan ABMS 17-19 Ogos 2020

02

Mengenalpasti Pelan Risiko Rasuah semasa Bangkel Pembangunan Pelan Antirasuah pada 17-19 Ogos 2020

03

Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, laporan audit dalam, kajian kepuasan pelanggan dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)

04

Data-data daripada agensi luar seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malyasia (SPRM) dan Biro Pengaduan Awam (BPA)

BIDANG-BIDANG RISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, empat (4) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di MPAG yang telah dikenalpasti:

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Meliputi pengurusan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan yang cekap di bawah kawalan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG). Penyampaian perkhidmatan dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej MPAG di mata masyarakat. MPAG perlu mengambil pendekatan yang lebih sistematik dan efisien demi meningkatkan keberterangjawabannya.

Bidang ini juga merujuk kepada sistem peraturan, amalan dan proses kerja untuk mencapai kecemerlangan, kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan pentadbiran yang perlu dikawal.

PEROLEHAN AWAM

Merujuk kepada pembelian barang dan perkhidmatan oleh MPAG. Oleh kerana melibatkan kewangan dan peruntukan yang besar, MPAG perlu melaksanakan tugas dengan cekap demi kepentingan awam. Perolehan merupakan bidang yang paling terdedah kepada aktiviti rasuah.

PENGUATKUASA DAN PERLESENAN

Merujuk kepada sistem yang telah disusun dan ditetapkan untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan. MPAG amat komited dalam mengenal pasti penyelesaian dan melaksanakan tindakan untuk mengurangkan kadar pelanggaran undang-undang demi kesejahteraan rakyat. Kebanyakan isu penguatkuasaan undang-undang sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, campur tangan oleh pihak luar dan bidang ini juga dilihat lebih terdedah dengan ruang dan peluang kepada salah laku dan gejala rasuah.

TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir Urus Korporat merujuk kepada sistem peraturan, amalan dan proses tentang bagaimana sesebuah organisasi diteraju dan dikawal. Dalam konteks MPAG, untuk memastikan bahawa masyarakat pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan, hasil dasar, nilai cukai. Adalah perlu untuk mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan tadbir urus korporat demi meningkatkan kebertanggungjawab dan ciri-ciri integriti.

BAB 2

SENARIO MASA HADAPAN

PENGUNAAN PERANCANGAN SENARIO PENTING SEBAGAI:

- i. Alat untuk mengenalpasti peluang-peluang dan ancaman yang melangkaui batasan model-model dan data-data lampau
- ii. Instrumen pengurusan risiko yang penting
- iii. Indikator amaran terhadap keputusan-keputusan yang dibuat dalam pelbagai risiko - sebagai alat penilaian untuk mengariskan strategik-strategik intervensi

SENARIO ANTIRASUAH 2030

Senario berikut mewakili masa hadapan yang berkemungkinan berlaku pasca pelancaran Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Alor Gajah.

1

SENARIO KESINABUNGAN (CONTINUATION)

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan Antirasuah, tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau mapan

2

SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran

3

SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

Masa hadapan di mana hasil kewujudan Pelan Antirasuah telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah Negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai

4

SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)

Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian

Matrik Senario: Senario Antirasuah 2030

Senario	Pentadbiran Sektor Awam	Perolehan Awam	Penguatkuasaan Dan Perlesenan	Tadbir Urus Korporat
S1 Senario Kesinambungan <i>(Continuation)</i>	Penggunaan teknologi maklumat sebagai platform dan mekanisme tadbir urus, MPAG lebih responsif dan mutu perkhidmatan meningkat.	Penggunaan teknologi maklumat mengurangkan penglibatan manusia dalam proses perolehan dan kewangan awam. Namun, ketirisan maklumat dijangka terus berlaku ekoran campur tangan pihak-pihak tertentu.	Undang-undang telah dipinda secara komprehensif sesuai dengan keperluan semasa. Namun pendakwaan tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan sumber dan kepakaran	Organisasi memberi keutamaan kepada output dan keberhasilan namun begitu kurang memberi penekanan elemen-elemen integriti dalam proses pelaksanaan dasar dan polisi organisasi.
S2 Senario kekangan <i>(Limit & Discipline)</i>	Tadbir urus yang baik diamalkan namun dalam tempoh jangka panjang, rasuah masih berlaku kerana inisiatif tidak mendapat sokongan dari pelbagai pihak	Penggunaan teknologi dapat mengekang budaya rasuah. Teknologi turut meningkatkan ketuluan dalam pemantauan dan pencegahan amalan rasuah	Ketidakpatuhan peraturan masih berlaku kerana tindakan punitif tidak berkesan terhadap pelaku yang terlibat dalam salah laku integriti	Wujud ketidakpatuhan dan campur tangan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan pentadbiran.
S3 Senario Perkembangan <i>(Growth)</i>	Penggunaan teknologi digital yang menyeluruh dapat meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan kepercayaan pemegang taruh	Inisiatif OACP dapat menyeimbangkan kuasa antara pihak berkepentingan dan pegawai MPAG	Keberkesanan sistem perundangan dapat ditingkatkan selaras dengan penggunaan teknologi	Penggunaan teknologi digital yang menyeluruh dapat meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan kepercayaan pemegang taruh.
S4 Senario Merudum <i>(Decline&Collapse)</i>	Campur tangan pihak berkepentingan dan kerehah birokrasi menyebabkan kegagalan tadbir urus dan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa	Penyalahgunaan kuasa pihak berkepentingan dalam mempengaruhi urusan perolehan sehingga menjadi tidak terkawal, saluran aduan tidak lagi berkesan dan platform teknologi dimanipulasi oleh pihak dalam	Tindakan penguatkuasaan dan perlesenan terhadap penggiat industri taruh tidak dapat berfungsi dengan baik akibat campur tangan pihak berkepentingan	Penyelewengan dan salah guna kuasa berleluasa, campur tangan pihak berkepentingan mendominasi dalam proses membuat keputusan dan tiada kesepakatan dalam melaksanakan inisiatif antirasuah

STRATEGI UTAMA MPAG

Bagi menghadapi senario yang dinyatakan, MPAG telah membentuk empat (4) strategi seperti berikut :

1

Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

Untuk memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, inisiatif seperti program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan, peningkatan pemantauan penjawat awam, urusan tapisan integriti, pemberian pengiktirafan serta penyediaan latihan merupakan antara pengisian strategi yang dimaksudkan.

2

Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam.

Sebagai pengisian kepada strategi ini, inisiatif naziran, pengukuhan saluran aduan serta pematuhan kepada Akta Rahsia Rasmi, di samping program latihan dan pemulihan telah dikenal pasti.

3

Menginstitusikan kecekapan dan pengamalan profesionalisme dalam penguatkuasaan dan pelesenan.

Strategi ini memberi penekanan kepada penyediaan dan pengemaskinian prosedur, peraturan serta perundangan yang sedia ada. Ia turut memberi penekanan kepada program pengukuhan integriti, penggunaan teknologi dan pengurusan keselamatan ICT.

4

Memupuk tadbir urus baik dalam organisasi.

Bagi memupuk tadbir urus baik, pemerkasaan pengurusan yang meliputi pengurusan aduan, pengurusan aset serta pengurusan keselamatan ICT telah dikenalpasti sebagai sebahagian daripada inisiatif yang perlu dilaksanakan. Aktiviti pemantauan melalui pengauditan dan naziran perlu juga dititik beratkan. Manakala dari aspek pengurusan sumber manusia, urusan tapisan pelantikan, urusan latihan, Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD), aktiviti kaunseling dan proses pusingan kerja juga tidak boleh diabaikan.

BAB 3

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

KEPERLUAN PELAN ANTIRASUAH DALAM KONTEKSUAL KEPADA KERANGKA MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH (MPAG)

1. **Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)**, harus melangkah ke hadapan dan tidak boleh dinafikan, MPAG perlu menangani segala jenayah dan gejala penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah dengan segera. MPAG bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan serta melaksanakan pembangunan ekonomi, sosial, fizikal dan persekitaran bandar mengikut sempadan pentadbiran yang telah diwartakan. Malah MPAG juga dipertanggungjawab dalam merekayasakan pengurusan tadbir urus majlis perbandaran yang berkualiti dan berintegriti tinggi demi kestabilan negeri dan kesejahteraan rakyat.
2. Perkara ini juga diperakui **bahawa jenayah dan gejala penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah telah membawa banyak kepincangan**. Amalan rasuah perlu dihapuskan sepenuhnya daripada sistem pentadbiran bagi mengembalikan kestabilan dan kepercayaan terhadap MPAG amnya.
3. **Bagi mencapai ke arah itu**, MPAG telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi Majlis Perbandaran iaitu Ke Arah Majlis Perbandaran Telus Dan Berintegriti selaras dengan aspirasi negara untuk “ dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”. Bagi mencapai matlamat ini MPAG akan mewujudkan dan menzahirkan usaha pendidikan dan pencegahan rasuah yang lestari di negara ini untuk tempoh lima tahun akan datang
4. MPAG akan menggantikan **Pelan Integriti Organisasi (PIO) dan Menambahbaik Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)** - “Membanteras Rasuh”. dengan Pelan Antirasuah MPAG yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan. Pelan Antirasuah MPAG diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan penjawatan awam yang bertugas di setiap jabatan/unit di MPAG menerusi sesi perbengkelan dan penganalisaan data-data sediaada sebagai sokongan kepada pembangunan Pelan Antirasuah MPAG.
5. Pelan Antirasuah MPAG bakal **memacu dan mencetus ke arah peningkatan merekayasakan kebertanggungjawaban**, ketulusan, dengan menerapkan prinsip integriti dan semangat akauntabiliti yang tinggi dalam semua sistem dan prosedur di sektor awam amnya.

6. Pelan Antirasuah MPAG ini juga mempunyai **matlamat paling utama di mana ia bertujuan menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan pihak berkepentingan, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus.** Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif ini diyakini mampu meningkatkan dan memantapkan tahap ketelusan dan integriti MPAG sekaligus meningkatkan persepsi rakyat dan juga pelabur-pelabur terhadap di daerah ini.
7. Beberapa bidang berisiko yang terdedah kepada berlaku rasuah telah dikenalpasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data dan dapatan kajian daripada pelbagai sumber serta sesi Perancangan Senario (Scenario Planning). Hasilnya, Pelan Antirasuah MPAG menggariskan sebuah kerangka yang memayungi strategik yang menyeluruh dalam memerangi segala jenayah dan gejala tuntutan palsu, penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Antara inisiatif yang dirangka termasuklah memastikan setiap pemegang taruh menangani permasalahan rasuah di jabatan bahagian dan unit masing-masing melalui pembangunan Pelan Antirasuah MPAG.

Pelan ini telah menetapkan empat (4) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut adalah Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Penguatkuasaan dan Pelesenan dan Tadbir Urus Korporat .

KERANGKA PELAN ANTI RASUAH MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

Visi	Melahirkan warga Majlis Perbandaran Alor Gajah yang berintegriti tinggi	
Misi	Memperkasakan tadbir urus dan integriti warga MPAG melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa	
Matlamat	Membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan di MPAG	
Bidang Keutamaan	i.	Pentadbiran sektor awam
	ii.	Perolehan Awam
	iii.	Penguatkuasaan dan Pelesenan
	iv.	Korporat Governan
Aspirasi MPAG	MPAG dikenali kerana integriti dan bukannya Rasuah	
Strategi	i.	Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam
	ii.	Mempertingkatkan keberkesanan & ketelusan perolehan awam
	iii.	Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang
	iv.	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Organisasi

ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 12 inisiatif yang dikenalpasti daripada 35 inisiatif berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 12 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 9 inisiatif yang dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran A- impak tinggi dan kompleksiti rendah- memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada transformasi tadbir urus negara. Ringkasan 12 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:

KUADRAN A	KUADRAN B
Kuadran A mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH	Kuadran B mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI
KUADRAN C	KUADRAN D
Kuadran C mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH	Kuadran D mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI

KOMPLEKSITI: kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

IMPAK: kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

STRATEGIK 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
STRATEGIK 2	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam
STRATEGIK 3	Memantapkan Kredibiliti dan Pelesenan
STRATEGIK 4	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Sektor Awam

KEUTAMAAN STRATEGIK PENEKANAN 12 INISIATIF

Ringkasan berikut menunjukkan 12 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 35 keseluruhan yang telah dikenalpasti. Ia berdasarkan empat (4) strategik utama berkaitan integriti, Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam, Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketulusan Perolehan Awam, Memantapkan Kredibiliti Penguatkuasaan dan Perlesenan, Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Sektor Awam. 12 inisiatif ini dikenalpasti berdasarkan keperluan kesegaraan untuk menangani rasuah.

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGIK
1	Mengadakan latihan yang memberi penekanan kepada elemen Integriti dan tadbir urus Insan	KUADRAN A	STRATEGIK 1
2	Mengedarkan poster integriti melalui emel kepada semua jabatan	KUADRAN A	STRATEGIK 1
3	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada pelaku.	KUADRAN A	STRATEGIK 1
4	Melaksanakan program pembudayaan integriti, tadbir urus dan anti rasuah.	KUADRAN A	STRATEGIK 1
5	Meningkatkan pematuhan dasar perolehan dan menyebarluas kepada pihak berkepentingan.	KUADRAN A	STRATEGIK 2
6	Memastikan sistem perolehan mengikut SOP	KUADRAN A	STRATEGIK 2
7	Melakukan semakan dan kajian semula Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan	KUADRAN B	STRATEGIK 2
8	Membuat pusingan pegawai yang menganggotai pengurusan perolehan dan penilaian tander/sebutharga	KUADRAN B	STRATEGIK 2
9	Mengenakan tindakan tatatertib dan tindakan punitif yang tegas kepada pelaku	KUADRAN A	STRATEGIK 3
10	Memberikan latihan kesedaran mengenai good governance, integriti dan anti rasuah	KUADRAN A	STRATEGIK 3
11	Mengkaji Semula Dasar Dan Tatacara Pemberian Lesen	KUADRAN B	STRATEGIK 3
12	Mengadakan pusingan kerja dalaman.	KUADRAN A	STRATEGIK 4

PELAN TINDAKAN & INISIATIF MPAG

BIDANG KEUTAMAAN 1	PENTADBIRAN SEKTOR AWAM
STRATEGI 1	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Membudayakan Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik

BIL	INISIATIF / TINDAKAN (TANGANI / ATASI RISIKO)	UNIT / BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1.1	Pemantauan dan pelaporan daripada data Sistem <i>Door Access</i>	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
1.1.2	Memperkemas tindakan tatatertib serta meningkatkan tindakan kawalan dalaman daripada penyelia/ketua jabatan	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 3 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2023)
1.1.3	Menggunakan Borang Keluar Tidak Rasmi (Perintah Am 5 Bab G)	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 3 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2023)

BIDANG KEUTAMAAN 1	PENTADBIRAN SEKTOR AWAM
STRATEGI 1	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Menggalakkan merit dan integriti dalam proses pengambilan, pemilihan dan pelantikan ke mana-mana jawatan

BIL	INISIATIF / TINDAKAN (TANGANI / ATASI RISIKO)	UNIT / BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.2.1	Mewujudkan mekanisme dan kriteria pemilihan yang jelas serta memberi penekanan terhadap aspek integriti	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 3 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2023)

BIDANG KEUTAMAAN 1	PENTADBIRAN SEKTOR AWAM
STRATEGI 1	Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Mengukuhkan Akauntabiliti Pihak Berkuasa Tempatan

BIL	INISIATIF ! TINDAKAN (TANGANI ! ATASI RISIKO)	UNIT! BAHAGIAN PENERAJU ! PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.3.1	Mengemaskini dan menguatkuasakan Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 3 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2023)
1.3.2	Mengadakan latihan yang memberi penekanan kepada elemen Integriti dan tadbir urus Insan	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
1.3.3	Mengadakan Pemantauan berterusan oleh Pegawai Penyelia ke atas pegawai yang cenderung terlibat dalam menyalahgunakan harta awam	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 4 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2024)
1.3.4	Mengedarkan poster integriti melalui emel kepada semua jabatan	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
1.3.5	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib yang lebih tegas kepada pelaku.	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)

BIDANG KEUTAMAAN 1	PENTADBIRAN SEKTOR AWAM
STRATEGI 1	Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 1.4	Menambahbaik keberkesanan pendidikan dan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan pegawai awam melalui program berdasarkan kepada <i>Human Governance</i>

BIL	INISIATIF /TINDAKAN (TANGANI /ATASI RISIKO)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.4.1	Penempatan pegawai yang kompeten di sesuatu jawatan dan membuat pusingan kerja.	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
1.4.2	Melaksanakan program pembudayaan integriti, tadbir urus dan anti rasuah.	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)

BIDANG KEUTAMAAN 2	PEROLEHAN AWAM
STRATEGI 2	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam

BIL	INISIATIF / TINDAKAN (TANGANI / ATASI RISIKO)	UNIT / BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
2.1.1	Meningkatkan pematuhan dasar perolehan dan menyebarkan kepada pihak berkepentingan.	Unit Perolehan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
2.1.2	Memastikan sistem perolehan mengikut SOP dan membuat pengauditan secara berkala.	Unit Perolehan Unit Audit Dalam	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
2.1.3	Memperkukuhkan pelaksanaan Integriti Pact berkenaan pengendalian dan kawalan maklumat rahsia	Unit Perolehan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
2.1.4	Melaksanakan program pemulihan/kaunseling/pengisytiharaan harta lebih kerap	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)

BIDANG KEUTAMAAN 2	PEROLEHAN AWAM
STRATEGI 2	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 2.2	Meningkatkan ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan

BIL	INISIATIF /TINDAKAN (TANGANI / ATASI RISIKO)	UNIT / BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
2.2.1	Melakukan semakan dan kajian semula Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan	Jabatan Kewangan dan Unit Perolehan	Tempoh 4 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2024)
2.2.2	Membuat pusingan pegawai yang mengangotai pengurusan perolehan dan penilaian tander/sebutharga	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 4 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2024)

BIDANG KEUTAMAAN 3	PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN
STRATEGI 3	Memantapkan Kredibiliti Penguatkuasaan dan Pelesenan
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	Meningkatkan Keberkesanaan dan Ketelusan Profesionalisme Penguatkuasaan Jabatan

BIL	INISIATIF ! TINDAKAN (TANGANI ! ATASI RISIKO)	UNIT! BAHAGIAN PENERAJU ! PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.1.1	Mengkaji Semula Dasar Dan Tatacara Pemberian Lesen	i. Jabatan Pelesenan ii. Jabatan Penguatkuasaan	Tempoh 4 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2024)
3.1.2	Penurunan kuasa kelulusan kepada pegawai secara khusus dan keputusan perlu dimaklumkan di dalam mesyuarat	Jabatan Khidmat pengurusan	Tempoh 4 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2024)
3.1.3	Memastikan tindakan punitif yang lebih tegas terhadap kakitangan yang menjalankan penguatkuasaan yang gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada	i. Jabatan Pelesenan ii. Jabatan Penguatkuasaan iii. Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 4 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2024)
3.1.4	Memperkasakan mekanisme pemantauan oleh Ketua Jabatan	Jabatan Penguatkuasaan	Tempoh 4 Tahun (Jan 2021 hingga Disember 2024)
3.1.5	Menguatkuasakan pelaksanaan Akta Rahsia Rasmi	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
3.1.6	Mengenakan tindakan tatatertib dan tindakan punitif yang tegas kepada pelaku	Jabatan Khidmat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)

BIDANG KEUTAMAAN 3	PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN
STRATEGI 3	Memantapkan Kredibiliti Penguatkuasaan dan Perlesenan
OBJEKTIF STRATEGIK 3.2	Memperkukuhkan Akauntabiliti Bidang Perlesenan

BIL	INISIATIF / TINDAKAN (TANGANI / ATASI RISIKO)	UNIT/ BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.2.1	Mengenakan tindakan tatatertib dan tindakan punitif yang tegas kepada pegawai yang terlibat	Jabatan Khdimat Pengurusan	STempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
3.2.2	Memberikan latihan kesedaran mengenai good governance, integriti dan anti rasuah	Jabatan Khdimat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
3.2.3	Audit berkala	Unit Audit Dalam	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)

BIDANG KEUTAMAAN 4	TADBIR URUS KORPORAT
STRATEGI 4	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Sektor Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 4.1	Memastikan Pengamalan Ketelusan Korporat


BIL	INISIATIF / TINDAKAN (TANGANI / ATASI RISIKO)	UNIT / BAHAGIAN PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.1.1	Memperkasa dan menambah baik SOP dalaman urusan kenaikan pangkat	Jabatan Khdimat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
4.1.2	Mengenalpasti pegawai/anggota yang bermasalah dan melaksanakan program kaunseling	Jabatan Khdimat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
4.1.3	Melaksanakan pusingan kerja pegawai di jawatan sensitif (3-5 tahun) dan tidak sensitif (3-8 tahun) berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil 3/2004	Jabatan Khdimat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)

BIDANG KEUTAMAAN 4	TADBIR URUS KORPORAT
STRATEGI 4	Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Sektor Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 4.2	Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Di Entiti Korporat

BIL	INISIATIF ! TINDAKAN (TANGANI ! ATASI RISIKO)	UNIT! BAHAGIAN PENERAJU ! PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.2.1	Mengenakan tindakan tatatertib dan tindakan yang tegas kepada pegawai yang terlibat	Jabatan Khdimat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
4.2.2	Mewujud dan memperkukuhkan mekanisme pelaporan, pemantauan & penguatkuasaan diperingkat jabatan	Jabatan Khdimat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
4.2.3	Melaksanakan pusingan kerja pegawai di jawatan sensitif (3-5 tahun) dan tidak sense	Jabatan Khdimat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)
4.2.4	Mengenakan tindakan tatatertib dan tindakan punitif. terhadap pegawai yang terlibat.	Jabatan Khdimat Pengurusan	Tempoh 5 tahun (Jan 2021 hingga Disember 2026)

BAB 4

TADBIR URUS



MEKANISMA PELAKSANAAN

Untuk memastikan inisiatif antirasuah MPAG dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Jawatankuasa Anti Rasuah MPAG (JAR) berfungsi sebagai medium untuk membincangkan pelaksanaan dan pemantauan inisiatif-inisiatif OACP.

Unit Integriti MPAG bertindak sebagai sekretariat penyelarasan OACP yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaian pelaksanaan OACP kepada JAR Peringkat Negeri

MEKANISMA PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN

PENYELARASAN

PEMANTAUAN	PENILAIAN
a) Menjelaskan objektif program b) Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif c) Menterjemah objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran d) Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap) e) Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan	a) Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti b) Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategik tersebut berorientasikan matlamat yang hendak dicapai. c) Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang d) Memberikan maklumbalas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan e) Menanda aras aktiviti dan amalan terbaik

MEKANISMA PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN

❖ Yang Dipertua sebagai Pengurusan Tertinggi akan mengawasi prestasi Jabatan/Bahagian peneraju dalam melaksanakan tindakan Pelan Anti Rasuah MPAG



❖ Bahagian Integriti akan mengemukakan laporan dan mengemukakan laporan tahunan pemantauan Pelan Anti Rasuah MPAG mengenai Jabatan/Bahagian peneraju kepada pihak pengurusan



❖ Suatu laporan pemantauan dan penilaian oleh Bahagian Integriti berkaitan prestasi Jabatan/ Bahagian peneraju akan dibentangkan kepada Urusetia Pelan Anti Rasuah MPAG



❖ Urusetia Bahagian Integriti akan mengadakan Mesyuarat Prestasi sekurang-kurangnya dua kali dalam tempoh setahun dengan kehadiran Jabatan/Bahagian Peneraju



❖ Jabatan/Bahagian peneraju akan menyerahkan laporan suku tahun kepada urusetia Bahagian Integriti



❖ Jabatan/Bahagian peneraju akan menyerahkan laporan setengah tahun kepada Bahagian Integriti. Melaksanakan penilaian risiko yang diperlukan, mengenal pasti penyelesaian yang terbaik dan mewujudkan aktiviti

BAB 5

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Kerajaan dalam usaha pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan telah merangka pelan khusus iaitu Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023

MPAG menyambut baik inisiatif tersebut dengan membangunkan Pelan Antirasuah MPAG bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2021 sehingga 2026. Pelan ini telah mengariskan 35 inisiatif yang akan memberi impak tinggi dalam mencapai visi Pelan Antirasuah MPAG

Pelan ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif Pelan Antirasuah MPAG dilaksanakan seperti yang ditetapkan. Pelan ini akan sentiasa dikaji dan dikemaskini mengikut perubahan semasa.

Pelan Antirasuah MPAG ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah MPAG seraras dengan visi Pelan Antirasuah MPAG iaitu **“Melahirkan warga MPAG yang berintegriti tinggi”**

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Alor Gajah serta seluruh warga MPAG yang terlibat di atas komitmen, kesungguhan dan iltizam bagi menjayakan penghasilan Pelan Antirasuah 2021-2026 ini.

PENGERUSI

Tn Mohd Fadhil bin Hassan

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah

TIMBALAN PENGERUSI

Datuk Salleh bin Mohd Dom

Setiausaha Majlis Perbandaran Alor Gajah

AHLI JAWATANKUASA

En. Zainul Adnan bin Mohd Said

Pn. Hjh. Fatimah bin Othman

Pn. Hjh. Marina binti Rasol

Pn. Tpr. Nurul Adawaty binti Ismail

Pn. Radzyna binti Mahat

Pn. Sr. Rosnani binti Ibrahim

En. Hj. Bukhari bin Baharuddin

En. Hj Sugiman bin Johari

En. Azizan bin Sulong

En. Abdul Rahman bin Nordin

Pn. Norazira binti Abd Aziz

En. Mohd Fuad bin Musrik

En. LAr. Kamaruddin bin Mustapa

En. Mohd Faizal bin Mohd Zin

En. Mohd Faiz bin Leman

Pn. Nurhaslina bin Bahari

Pn. Rahayu bin Rahmat

PERUNDING

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)

Jabatan Katua Menteri Melaka(JKMM) - Bhagaian Integriti

Suruhanjaya Pencegaha Rasuah Malaysia

Encik Azhar bin Abdul Karim

Moderator

Brotherhood Asia Resources

Peserta Bangkel Latihan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016 dan Pelan Pembangunan Antirasuah MPAG (OACP)

Jabatan Pelesenan

Pn. Nurlidaya binti Ali Mat Noor

Jabatan Perancang Bandar

En. Mohd Zaidi bin Amir Hamzah

En. Mohd Nazlan bin Othman

Jabatan Kewangan

Pn. Marlini binti Mohamed

En. Mohammad Zaid bin Yusoff

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

En. Sr. Mohd Fadhil bin Sulaiman

En. Mohd Safwan hamidi bin Mohd Sharif

Jabatan Penguatkuasaan

En. Mohd Rozaiman bin Rahmat

En. Mohd Zahir bin Mohd Zuki

Jabatan Kejuruteraan

En. Mohamad Farid bin Othman

En. Noor Fazlan bin Md.Noar

Jabatan Khidmat Pengurusan

En. Azizan bin Sulong

En. Nur Idham bin Idris

En. Mohd Faidz bin Leman

En. Mohamad Syazwan bin Saleh

Jabatan Pengindahan Bandar

En. Ishak bin Mohd Yakob

Pn Elina binti Jaafar

Jabatan Khidmat Masyaakat

En. Khairul Anwar bin Mansol

Pn. Intan Fairus binti Abu

Jabatan Kebersihan dan Kesihatan

En. Mohd Nizaru bin Harun

En. Syamsul bin Samsudin

Unit Undang-Undang

Pn Hj. Fatimah binti Othman

En. Muhammad Syafiq bin Saleh

Unit Kutipan Tunggakan

Pn. Radyzma binti Mahat

Tn Hj. Jamil bin Jantan

Unit OSC

Pn. Norazira binti Abd Aziz

Pn. Hasnizah binti Salleh

Unit Perolehan

Pn. Nurhaslina binti Bahari

Pn. Siti Hajar binti Raman

Jabatan Bangunan

Tuan Hj Zainal Abidin bin Hj. Abu Bakar

En. Mohd Azizi bin Sapuan

Urusetia

Pn. Noor Shafika binti Shaari

Pn. Hazlina binti Habib

Pn. Ade Erma bin Yaakob

Pn. Nur Izzatee binti Omar

Unit Perancang Korporat

Pn. Rahayu binti Rahmat

Pn. Norsyafiqah binti Eusope

Urusetia Teknikal

En. Mohd Solihin bin Abd Manaf

En. Huzaimi bin Md Den

En. Mohd Iba Farif bin Mustaffa





Bangkel Pelan Pembangunan Antirasuah MPAG dan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016 pada 17-19/8/2020 Bersama dengan Encik Azhar bin Abdul Karim Moderator Brotherhood Asia Resources





Majlis Bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Dan Pelancaran Polisi Anti Rasuah Peringkat MPAG pada 22 Disember 2020

